

TEMA 7: INDAH SENI GAH BUDAYA 'WARNA-WARNI BUDAYA'

Kemahiran Menulis

SK - 5.1 Memahami dan menggunakan perkataan daripada pelbagai golongan kata dalam pelbagai ayat.

SP - 5.1.4 Memahami dan menggunakan kata kerja transitif dengan betul mengikut konteks.

Baca petikan dibawah, perhatikan penggunaan kata berhuruf tebal. Kemudian, suai dan padankan perkataan tersebut dengan ayat yang betul.

Semangat gotong-royong sememangnya telah **menjadi** teras dalam kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman-berzaman. Amalan murni ini seharusnya dipertahankan kerana terbukti dapat **membina** perpaduan dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Biasanya, bagi masyarakat luar bandar, gotong-royong meliputi kegiatan membersihkan persekitaran kampung, kubur, surau atau masjid selain menjayakan majlis kenduri-kendara. Namun begitu, bagi penduduk di Pahang Barat, amalan bergotong-royong turut dilakukan untuk membersihkan sungai memandangkan sungai merupakan nadi kehidupan penduduk di situ. Kegiatan ini dikenali sebagai 'berderau.'

Penduduk di sekitar Taman Negara dan Hulu Tembeling begitu sinonim dengan kegiatan berderau seperti membersihkan alur di Sungai Tembeling terutamanya ketika musim kemarau. Pada musim kemarau, kegiatan ini sesuai dilakukan kerana air sungai menjadi cetek dan ini memudahkan kerja-kerja pembersihan sungai.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Berderau pada Musim Kemarau' oleh Haris Fadilah Ahmad, Utusan Online, Julai 2009.

menjadikan
menjadi
membinakan
membersihkan
memudahkan
memandangkan

Perbankan Internet _____ pengguna melakukan transaksi.
Halimah _____ kawasan rumahnya yang kotor.
Puan Roslina dilantik memegang jawatan Ketua Eksekutif Syarikat Cemerlang _____ pengalamannya dalam bidang tersebut sangat lama.
Pak Kassim berasa gembira kerana tanaman sawahnya _____ tahun ini.
Kerajaan berusaha _____ negara ini sebagai negara berpendapatan tinggi melalui penglibatan kerajaan dan rakyat.
Encik Azahar _____ empayar perniagaannya dengan kesabaran dan kegigihan.

Pilih kata kerja yang paling sesuai.

1. Pengemis itu tidur _____ lengan dan berhampiran beberapa helai surat khabar lama.

membatalkan

berbantakan

2. Kerja-kerja _____ Sungai Sibiew sedang giat dijalankan sebagai alternatif untuk menyelesaikan masalah banjir di kampung itu. memperdalam

memperdalam

memperdalam

3. Pak Abu hendak _____ anak perempuannya dengan anak orang kaya itu.

berkahwin

mengahwinkan

mengahwini

4. Guru-guru sedang _____ tentang langkah-langkah penyelesaian masalah buli yang berlaku dalam kalangan murid-murid.

bermesyuarat

berbincang

5. Kura-kura itu _____ dengan pantas apabila sekumpulan remaja menghampirinya.

merangkak

berlari

6. Peminjam PTPTN diseru _____ pinjaman yang masih tertunggak agar wang tersebut dapat diberikan kepada peminjam yang lain pula.

melunaskan

membuatkan

7. Kakak mengambil masa selama dua jam untuk _____ esei yang diberikan oleh guru.

bersiap

menyiapkan

8. Kerja-kerja _____ jalan raya sedang giat dijalankan oleh sebuah syarikat pembinaan.

melebarkan

meluaskan